

**INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)**
www.ijepc.com



**KEBERKESANAN PENDIDIKAN KESUKARELAWANAN
DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS (UPSI) KE ARAH MEMPERKASAKAN NILAI-
NILAI INSANIAH**

*THE EFFECTIVENESS OF VOLUNTEER EDUCATION AMONG STUDENTS OF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI) ENHANCE SOFT SKILLS
VALUES*

Mohamad Basri Jamal^{1*}, Khairul Gufran Kaspin^{2*}, Norshahrul Marzuki Mohd Nor^{3*}, Mazdi Marzuki⁴, Muhammad Hasbi Abdul Rahman⁵, Habibah @ Artini Ramlie⁶

¹ Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: basri.jamal@fsk.upsi.edu.my

² Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: ghufran@fsk.upsi.edu.my

³ Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: norshahrul@fsk.upsi.edu.my

⁴ Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: mazdi@fsk.upsi.edu.my

⁵ Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: muhar@fsk.upsi.edu.my

⁶ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah
Email: habibah_artini@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 10.03.2021

Revised date: 15.04.2021

Accepted date: 15.05.2021

Published date: 31.05.2021

Abstrak:

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melancarkan Projek Sukarelawan Universiti Awam pada tahun 2017. Program Kesukarelawanan bermatlamat memberi pendedahan serta latihan kepada mahasiswa bagi meningkatkan kemahiran insaniah, jati diri dan tahap keperihatinan mahasiswa terhadap persekitaran mereka. Menyedari pentingnya pendidikan kesukarelawanan dalam diri mahasiswa dapat memupuk nilai-nilai murni terhadap masyarakat selaras dengan hasrat KPM untuk merakyatkan

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions

To cite this document:

Jamal, M. B., Kaspin, K. G., Mohd Nor, N. M., Marzuki, M., Rahman, M. H. A., & Ramlie, H. (2021). Keberkesanan Pendidikan Kesukarelawanan dalam Kalangan Pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) ke Arah Memperkasakan Nilai-Nilai Insaniah. International Journal of Education, Psychology and Counselling 6 (39), 208-222.

DOI: 10.35631/IJEPC.6390014

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



universiti, kajian ini dilakukan untuk mengetengahkan kepentingan aktiviti dan pendidikan kesukarelawanan dalam meningkatkan kemahiran insaniah dalam diri mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu temubual, kajian kepustakaan dan analisis kandungan. Terdapat tiga objektif dalam kajian ini. Pertama, meningkatkan kefahaman berkenaan definisi sukarela, sukarelawan dan kesukarelawanan. Kedua, membincangkan bagaimana aktiviti kesukarelawanan dapat meningkatkan kemahiran insaniah dalam diri mahasiswa. Ketiga, mengenalpasti kerelevan pendidikan kesukarelawanan terhadap masa depan mahasiswa. Hasil kajian mendapati melalui pendidikan dan aktiviti kesukarelawanan dapat meningkatkan kemahiran insaniah dalam diri mahasiswa seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran membina hubungan dan kemahiran kerja berpasukan. Manakala menjadi sukarelawan dapat memupuk sikap saling membantu sesama manusia, tolong menolong, kasih sayang, ikhlas dan menguatkan jati diri.

Kata Kunci:

Sukarela, Kesukarelawanan, Khidmat Sosial, Mahasiswa, Kemahiran Insaniah

Abstract:

Kementerian Pendidikan Malaysia – KPM (Ministry of Education - MoE) has launched the Public University Volunteer Project in 2017. The Volunteer Program aims to provide exposure and training to the students to improve their soft skills, identity, and level of concern for their environment. In order to instill the importance of Volunteerism Education in cultivating a good value toward the community and to meet the KPM's purpose to make university close to the community, this study is conducted to highlight the importance of volunteerism activities and education in order to improve the soft skills among the students of Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). This study used qualitative methods which are interview, literature review, and content analysis. There are three objectives in this study. The first objective is to enhance the definition of voluntary, volunteer, and volunteerism. Followed by the second objective which is discussing how volunteerism activities could improve the soft skills among the students. And the third objective is to identify the relevance of Volunteerism Education for the students' future. As a result, the study found that education and volunteerism activities can improve the soft skills among the students in terms of communication skills, relation-building skills, and teamwork skills. While being a volunteer, the attitude can be improved in terms of the sense of help, helping each other, love, sincerity, and strengthen one's identity.

Keywords:

Voluntary, Volunteerism, Social Service, Students, Soft Skills

Pengenalan

Kesukarelawan merupakan salah satu tulang belakang kepada pembangunan organisasi dan negara. Hal ini kerana, kehidupan seorang banyak dipengaruhi oleh pelbagai faktor sosial, komuniti dan keluarga. Sukarelawan secara umumnya dianggap sebagai aktiviti bersifat altruistik dan bertujuan untuk menggalakkan kebaikan atau meningkatkan kualiti hidup manusia. Sebagai balasan, aktiviti ini boleh menghasilkan perasaan harga diri dan hormat.

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
Menurut Pryce & Hill (2015), sukarelawan biasanya difahami sebagai aktiviti yang tidak dibayar iaitu seseorang meluangkan masa mereka secara bebas untuk membantu organisasi atau individu yang bukan saudara mereka. Selain itu, sukerelawan juga mempunyai jatidiri yang kuat, pemurah dan lebih berfikiran terbuka dan secara umumnya, mereka lebih rajin dalam kerja dan perkhidmatan pelanggan (Tapp & Spanier 1973; Gu *et al.* 2012). Kerja-kerja sukarelawan bagi membantu membuat perubahan terhadap persekitaran dan kesejahteraan kehidupan manusia amat diperlukan setiap masa (Shahrom *et al.* 2015).

Tanpa semangat kesukalerawan dan nilai-nilai insaniah yang tinggi dalam kalangan diri individu dan masyarakat, keseimbangan pembangunan negara dan insan tidak akan dapat dicapai dengan sempurna. Justeru, semangat ini perlu dibudayakan dalam kalangan pelajar universiti awam kerana pada waktu inilah mereka perlu didedahkan dengan persekitaran yang saling membantu dan meringankan beban golongan yang memerlukan. Semangat kesukarelawan dalam kalangan mahasiswa perlu dipupuk sejak awal lagi. Ia adalah batu asas kepada warganegara yang prihatin, bertanggungjawab, saling bantu membantu tidak kira agama, kaum dan warna kulit. Semangat ini juga perlu diterapkan melalui kerjasama pelbagai pihak, sama ada individu, badan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan mahupun institusi keluarga.

Menyedari keadaan ini, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melancarkan Projek Sukarelawan Universiti Awam pada tahun 2017. Program Kesukarelawanan bermatlamat memberi pendedahan serta latihan kepada mahasiswa bagi meningkatkan kemahiran insaniah, jati diri dan tahap keperihatinan mahasiswa terhadap persekitaran mereka. Program ini telah disambut baik oleh semua institusi pendidikan tinggi di Malaysia dalam usaha melaksana dan memperkasakan aktiviti-aktiviti kesukarelawan diperingkat universiti. Dalam menyahut seruan Kementerian Pendidikan Malaysia, UPSI telah mewujudkan kursus Kesukarelawanan yang mana kursus ini merupakan kusus wajib universiti dan perlu diambil oleh seluruh mahasiswa UPSI. Setiap mahasiswa akan terlibat secara langsung dalam melakukan aktiviti-aktiviti kesukarelawan melalui kursus ini.

Sorotan Kajian Lepas

Sukarela didefinisikan sebagai suatu sifat atau keadaan yang tidak dipaksa, atas kemauan sendiri dan melakukan sesuatu secara rela hati (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, 2020). Sukarela boleh difahami sebagai suatu sikap melakukan atau membuat sesuatu atau memberi secara sukarela, tanpa dipaksa atau dibayar untuk melakukannya (*Cambridge English Dictionary*, 2020). Kerja sukarela (*voluntary work*) atau khidmat sukarela (*voluntary service*) ialah kegiatan yang dilakukan dengan rela hati, ikhlas, tanpa paksaan daripada mana-mana pihak, tanpa mengharapkan balasan atau ganjaran dan memberi manfaat kepada golongan sasaran (Tajul & Aishah, 2013). Dapat disimpulkan bahawa sukarela ialah satu sikap, perbuatan atau nilai baik dalam diri manusia yang dizahirkan dengan kehendak diri sendiri dan kerelaan hati.

Program dan aktiviti sukarela merupakan teras kepada pembangunan negara. Merujuk kepada salah satu bidang keutamaan dalam Dasar Belia Malaysia 2015, kerajaan telah menggerakkan modal insan terutamanya belia bersama-sama menyumbang kepada pembangunan negara dalam pelbagai aspek modal insan serta kemahiran berasaskan kecenderungan yang dimiliki. Sebagai contoh, program 1Malaysia *voluntourism* telah diperkenalkan pada September 2012

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions hingga Ogos 2015 dan sebanyak 272 aktiviti telah berjaya dilaksanakan dan melibatkan seramai 87,473 orang sukarelawan meliputi pelbagai peringkat umur yang majoritinya terdiri dalam kalangan belia dan mahasiswa (Siti *et al.*, 2018).

Seterusnya, sukarelawan merujuk kepada individu atau seseorang yang mempunyai minat dan terlibat dalam kegiatan sesuatu bidang dan aktiviti sukarela. Azizan (2006) menegaskan sukarelawan melakukan aktiviti sukarela dengan berbagai-bagai kaedah yang sesuai dan berkesan. Kaedah-kaedah ini meliputi khidmat nasihat, bimbingan kaunseling, motivasi, khidmat sosial seperti gotong royong dan kerja berpasukan (mengecat, membina, menukang), penggunaan pelbagai kemahiran dan aneka terapi, sokongan proses pemulihan/ terapi, penggunaan teknologi dan sebagainya. Aktiviti sukarela juga melibatkan pelbagai skop yang luas, di mana ia melibatkan penyertaan aktif anggota-anggota masyarakat dalam pelbagai bidang kehidupan yakni pendidikan, ekonomi, ketatanegaraan, keagamaan, hak-hak asasi manusia, kepenggunaan, alam sekitar, perlindungan haiwan, kepekaan gender, kebijakan dan lain-lain. Secara amnya, sukarelawan berperanan sebagai mediator bagi menghubungkan ahli komuniti dengan sumber yang diperlukan oleh mereka serta bertanggungjawab dalam mengurangkan diskriminasi yang wujud terhadap golongan marginal (*United Nations Volunteer*, 2011).

Selain itu, definisi yang digunakan oleh Institut Pembangunan Belia Malaysia (2012), sukarelawan bermaksud orang yang melakukan sesuatu secara sukarela. Keterlibatan belia dalam pelbagai bidang kesukarelawanan seperti khidmat komuniti, kerja sosial, sukarelawan teknikal, sukan, penerbitan, seni budaya dan sebagainya dapat meningkatkan jati diri belia dan mahasiswa. Sukarelawan sangat penting dalam komuniti dan masyarakat kerana mereka menyumbang kepakaran, kemahiran, pengetahuan dan tenaga (Chacon, *et al.*, 2011 & Dorsch *et al.*, 2002). Ia termasuk mereka yang menjadi sukarelawan dalam sesebuah organisasi mahupun mereka yang memberi sebarang bantuan dalam sesebuah acara sukan seperti sukan universiti, Sukan Malaysia (SUKMA), sukan Komanwel dan sukan Olimpik. Sukarelawan menyumbang kepada pengurusan masa, kerja berpasukan, penyelesaian masalah, meningkatkan kemahiran komunikasi rentas budaya, keupayaan untuk mengambil inisiatif dan membuat positif serta menyumbang kepada pasukan atau organisasi pertubuhan mereka (Annarita *et al.*, 2019).

Aktiviti sukarelawan juga merupakan aktiviti meluas yang dilakukan dalam populasi orang dewasa di banyak negara. Melalui hasil kajian Sarah (2018), mendapati organisasi (sektor awam dan swasta) sukarelawan di negara-negara Eropah akan terlibat dalam aktiviti sukarela sekurang-kurangnya satu kali dalam tempoh enam bulan. Aktiviti sukarela sememangnya disasarkan untuk mencipta manfaat untuk orang lain sejak beberapa dekad yang lalu. Para sarjana dalam bidang kesihatan dan sains sosial telah mengaitkan kerja sukarela dengan hasil yang menyumbang kepada pengetahuan kesihatan individu seperti kesihatan diri, batasan diri, tingkah laku kesihatan seseorang, mengenali punca kemurungan dan kematian (Brown & Brown 2015). Dari sudut teori, aktiviti ahli sukarelawan dapat meningkatkan akses kepada sumber-sumber psikologi seperti memberi harga diri, menyatakan sumber-sumber sosial, integrasi sosial, mendapat akses kepada sokongan dan maklumat serta memberi kesan positif kepada kesihatan manusia. Melakukan aktiviti-aktiviti sukarela dapat meningkatkan kekuatan fizikal dan kognitif yang melindungi diri manusia daripada penurunan fungsi dan demensia pada usia tua kerana sentiasa cergas dan aktif (Anderson *et al.*, 2014).

Manakala definisi kesukarelawan adalah kerja-kerja amal dan kebajikan yang dijalankan oleh seseorang individu, kumpulan atau organisasi bukan berteraskan keuntungan terhadap golongan yang memerlukan bantuan (Kunle, 2015). Ianya adalah kerja atau kegiatan sukarela merujuk kepada sebarang kegiatan altruistik yang dilakukan oleh sukarelawan atau relawan seperti penyediaan perkhidmatan tanpa mengharapkan keuntungan. Lazimnya, mereka ini memberi manfaat kepada individu, kumpulan atau organisasi lain. Altruistik bermaksud sikap lebih mengutamakan kebahagiaan dan kebajikan orang lain daripada kebahagiaan dan kebajikan diri sendiri. Sikap seperti ini bertujuan untuk menjalankan hubungan yang mungkin boleh membantu orang-orang yang memerlukan bantuan atau sokongan.

Ramai sukarelawan terdiri daripada mereka yang dilatih atau mahir secara khusus (profesional) dalam bidang-bidang yang mereka ceburi seperti perubatan, pendidikan, penyelamatan, kecemasan, latihan, kemahiran dan lain-lain khidmat asas yang diperlukan. Misalnya, dalam tindak balas terhadap pengurusan bencana seperti situasi merawat pesakit jangkitan wabak Covid-19, Kementerian Kesihatan Malaysia telah memohon bantuan kepada masyarakat awam bagi mereka yang mampu dan berkemahiran untuk menjahit baju PPE (*Personal protective equipment*) untuk digunakan oleh doktor, jururawat dan para petugas-petugas hospital. Hal ini telah mendapat sambutan daripada pelbagai pihak yang sudi menjadi sukarelawan berbakti kepada negara dengan menyumbang kemahiran, material dan tenaga dalam penghasilan pakaian lengkap PPE. Antara mereka yang terlibat adalah terdiri daripada pereka-pereka fesyen tempatan, Rumah Pengasih Warga Prihatin (RPWP), suri rumah dan banduan penjara Kajang.

Menurut penyelidikan Azizan (2016), kesukarelawan berperanan untuk menjaga kesejahteraan masyarakat dan penyambung kepada ketamadunan manusia. Seseorang yang melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawan adalah mereka yang mempunyai keprihatinan sosial, semangat juang yang tinggi, penyayang, cintakan keamanan, sayang alam sejagat dan sanggup berkorban untuk kebaikan dan kebajikan orang lain.

Hasil Kajian Dan Perbincangan

Melalui hasil penyelidikan yang dilakukan aktiviti kesukarelawan mampu memberi kesan kepada kepada mahasiswa dari aspek meningkatkan kemahiran insaniah, kerelevan kursus di universiti, peluang kerjaya dan manfaat kepada diri.

Kesukarelawan Memupuk Kemahiran Insaniah Mahasiswa

Kemahiran Insaniah atau *soft skills* adalah penguasaan terhadap kemahiran dalam diri individu merangkumi aspek-aspek kemahiran generik yang melibatkan elemen kognitif iaitu berkaitan dengan kemahiran bukan akademik seperti nilai-nilai positif, kepimpinan, kerjasama berpasukan, komunikasi dan pembelajaran berterusan. Melalui hasil temubual yang telah dilakukan, mahasiswa bersetuju bahawa aktiviti kesukarelawan yang dijalankan oleh setiap universiti awam dan swasta adalah amat baik dan mendidik mahasiswa untuk saling membantu sesama manusia:

Aktiviti sukarela perlu di terajui oleh pelajar dari semasa ke semasa, ianya perlu dididik sejak di bangku sekolah lagi. Mahasiswa perlu mengamalkan nilai-nilai murni terhadap masyarakat yang memerlukan. Mahasiswa boleh

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
menyumbang bakti kepada masyarakat dengan mengikuti program-program khidmat sosial yang dianjurkan oleh universiti seperti membersihkan masjid, lawatan ke rumah orang tua dan gotong royong di rumah anak yatim.

(Mahasiswa UPSI, 2021)

Sikap sukarela perlu menjadi amalan dalam kehidupan manusia seperti sikap tolong menolong dan gotong royong. Sikap ini perlu menjadi amalan bermula dari dalam rumah agar anak-anak membesar seiring dengan budaya yang diamalkan.

(Mahasiswa UPSI, 2021)

Individu yang aktif melibatkan diri dalam organisasi keagamaan serta mempunyai pegangan agama yang kuat dikatakan mempunyai nilai diri yang positif, sentiasa memberi keutamaan untuk membantu orang lain serta mudah berasa belas kasihan terhadap kesusahan orang lain (Rokach *et al.*, 2009). Sehubungan itu, individu yang menjadi sukarelawan pada usia muda lazimnya mempunyai ibu atau bapa yang terlibat secara aktif dalam kerja-kerja amal serta mempunyai pegangan agama yang kuat. Hal ini mempengaruhi diri anak-anak sejak kecil dan menjadi amalan apabila dewasa. Selain itu, individu yang mempunyai nilai “charity” yang tinggi didapati lebih bersedia untuk menjadi sukarelawan berbanding dengan individu yang memberi keutamaan terhadap nilai kewangan semata-mata (N.K Tharshini & Fauziah, 2019). Kemahiran insaniah adalah antara elemen yang dikenalpasti amat kritikal dalam dunia pekerjaan. Ianya bersifat global serta berubah mengikut perubahan teknologi semasa seperti penggunaan ICT dalam proses pembelajaran dan penyelidikan di universiti yang memerlukan penguasaan pelbagai kemahiran sistem dan maklumat. Kemahiran insaniah perlu diterapkan oleh semua universiti samaada universiti awam atau swasta ianya bagi menyediakan bakal graduan memiliki kompeten, keterampilan dan mampu bersaing dalam era global. Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggariskan tujuh elemen kemahiran insaniah yang perlu dikuasai oleh mahasiswa iaitu; kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral profesional serta kemahiran kepimpinan (KPM, 2006).

Pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah menyarankan universiti awam supaya menerapkan kemahiran insaniah dalam aktiviti kokurikulum. KPM telah mengklasifikasikan aktiviti kokurikulum kepada lapan teras utama iaitu teras kesukarelawan, teras kebudayaan, teras sukan, teras kepimpinan, teras pengucapan awam, teras daya usaha dan inovasi, teras keusahawanan serta teras khidmat komuniti (Portal Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah USIM, 2018). Kemahiran insaniah merupakan kemahiran yang perlu dikuasai oleh mahasiswa hari ini untuk membantu mereka melangkah lebih berani ke alam pekerjaan kelak. Penerapan kemahiran insaniah ini dilihat telah dijalankan sejak pelajar berada di sekolah menengah dan seterusnya digilap di peringkat institut pengajian tinggi. Kesinambungan aktiviti di sekolah menengah dan universiti awam amat penting dilakukan bagi menjamin perkembangan kemahiran insaniah dalam diri pelajar dan mahasiswa berterusan.


Pencapaian akademik sahaja tidak akan menjamin mahasiswa untuk mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian. Ini kerana keperluan di pihak majikan masakini adalah bersifat holistik dan persaingan antara individu yang memiliki pelbagai kemahiran juga merupakan

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
cabaran untuk merebut pekerjaan idaman. Majikan bukan lagi melihat pencapaian akademik secara total sewaktu proses temuduga dan pemilihan calon untuk mengisi kekosongan jawatan tetapi majikan juga melihat penguasaan kemahiran insaniah (*soft skills*) sebagai kriteria pemilihan bakal pekerjanya.

Mempelajari dan menguasai pelbagai kemahiran insaniah merupakan proses sepanjang hayat, ianya perlu dimulakan sedari anak-anak kecil seperti adab berkomunikasi dengan orang tua, menghormati, tololong menolong dan kerjasama dalam keluarga. Pendidikan kemahiran insaniah seawal usia akan membantu anak-anak membuat persediaan belajar dan berjaya bukan sahaja dalam kehidupan akademik tetapi juga di alam pekerjaan kerana kemahiran insaniah juga bersifat persediaan untuk belajar daripada pengalaman yang dilalui setiap hari. Secara umumnya tidak terdapat definisi yang tepat bagi terma kemahiran insaniah atau *soft skills* kerana ianya bersifat luas. Walau bagaimanapun, kemahiran insaniah adalah dikaitkan dengan personaliti individu, bijak berkomunikasi, pandai mendapatkan kenalan, berdaya tahan dan berinovatif (Portal Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah USIM, 2018).

Kerelevan Aktiviti Kesukarelawanan di Malaysia dan Antarabangsa

Hubungan aktiviti kesukarelawan dengan kemahiran insaniah mahasiswa dapat meningkatkan kemahiran komunikasi rentas budaya seperti komunikasi mahasiswa dengan warga emas, kemahiran membina hubungan seperti hubungan mahasiswa dengan keluarga miskin, kemahiran kolaborasi seperti hubungan mahasiswa dengan NGO atau pertubuhan serta kemahiran kerja berpasukan seperti pengurusan masa dan memberi bantuan. Kemahiran-kemahiran ini dapat menjadi bekalan untuk digunakan dalam kehidupan seharian dan masa depan. Rajah 1, merupakan pandangan mahasiswa berkenaan kerelevan kursus kesukarelawanan dilakukan di Institusi Pengajian Tinggi



Rajah 1: Pandangan Mahasiswa Terhadap Kerelevan Kursus Kesukarelawanan di UPSI

Melalui hasil temubual bersama mahasiswa UPSI, 80% bersetuju bahawa kursus kesukarelawanan di IPTA perlu di teruskan samaada melalui implementasi dalam kursus universiti seperti subjek kesukarelawanan atau sebagai khidmat komuniti. Mahasiswa menegaskan aktiviti kesukarelawanan dan khidmat sosial akan memupuk nilai-nilai murni dan menguatkan semangat kerja berpasukan dalam diri mahasiswa. Manakala 10% responden beranggapan sikap sukarela bukan hanya perlu di budayakan oleh IPT seperti yang sedia ada

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
namun perlu menjadikan amalan dalam kehidupan sehari-hari mahasiswa itu sendiri seperti membantu rakan sekoleh, membantu ibu di rumah, memberi makanan kepada kucing dan anjing jalanan serta mengutip sampah demi menjaga alam sekitar. Manakala 10% mahasiswa menjawab tidak pasti berkenaan kerelevan kursus kesukarelawanan dan aktiviti khidmat sosial mampu memberi impak kepada kemajuan diri kursusnya untuk mendapat pekerjaan.

Aktiviti kesukarelawanan di Malaysia terbahagi kepada dua, sukarelawan jangka masa pendek iaitu mereka yang melakukan kerja sukarela secara sekala (*one-off*) dalam jangka masa pendek dan sukarelawan yang melakukan kerja sukarela secara konsisten dalam jangka masa panjang dan berterusan di mana aktiviti kesukarelawanan ini dianggap sebagai suatu tugas (Azizan, 2016). Sukarelawan mempunyai tanggungjawab yang besar dan berat. Sekiranya berkhidmat di bawah naungan pertubuhan atau agensi, segala dasar dan polisi harus dipatuhi serta perlu menghormati privasi pihak-pihak tertentu terutamanya klien yang perlu dilindungi seperti remaja yang bermasalah atau mangsa keganasan rumah tangga (Azrina, 2016). Maka sebab itu sesetengah organisasi mengenakan syarat yang ketat dalam proses pengambilan sukarelawan.

Amalan kesukarelawanan mampu memupuk diri mahasiswa supaya siap siaga berusaha untuk kepentingan komuniti yang memerlukan melebihi kepentingan diri serta mengukuhkan jati diri seperti kerja keras dan sentiasa bersyukur dengan apa yang dimiliki apabila setiap kali melibatkan diri dalam aktiviti kebajikan dan khidmat sosial. Misalnya, memberi bantuan keperluan asas kepada golongan miskin, menyantuni warga emas dan golongan yang kurang berupaya atau orang tidak sihat akan memberi rasa empati dan keinsafan dalam diri sukarelawan.

Melalui Dasar Belia Negara 2015, kerajaan menuntut semangat kesukarelawanan harus dipupuk dalam diri setiap rakyat khususnya golongan belia (Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, 2015). Menurut hasil kajian Siti *et al.*, (2018) menyatakan tindakan negara Malaysia telah disusun melalui perkongsian dalam pembangunan yang menumpukan jaminan kesediaan untuk memberi dengan ikhlas demi kejayaan dan kebahagiaan bersama. Bagi golongan belia di institut pengajian tinggi, Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) membuka ruang kepada lebih 1.3 juta pelajar seluruh Malaysia untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti kesukarelawanan, kemanusiaan dan solidariti di seluruh dunia dengan merekrut, melatih dan menghantar mahasiswa yang terpilih sebagai sukarelawan untuk berkhidmat kepada masyarakat.

Usaha gigih badan kerajaan turut di perkasa melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang telah menawarkan Program Kesukarelawanan Mahasiswa iaitu '*Volunteer to Institution*' (V2i) pada tahun 2016. Pelaksanaan program V2i adalah lebih tersusun dengan bantuan modul kesukarelawan oleh JKM. Pelajar universiti akan dilatih terlebih dahulu sebelum diserap masuk ke dalam program V2i supaya sukarelawan mempunyai kemahiran yang relevan dengan kumpulan sasar berkaitan. Oleh yang demikian, profil bagi setiap sukarelawan amatlah diperlukan bagi memudahkan proses merekrut dan seterusnya membentuk sukarelawan itu sendiri.

Kajian ini turut mengetengahkan salah satu pusat kesukarelawanan di peringkat kerajaan iaitu *Volunteer Activity Centre* (V@C), merupakan sebuah tempat yang disediakan kepada

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
Sukarelawan Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk mengadakan perjumpaan dan perbincangan dalam membuat perancangan, penyusunan dan gerakan aktiviti kesukarelawan (Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2016). Ianya juga sebagai pusat yang membekal sumber maklumat dan bahan rujukan berkaitan dengan perkhidmatan jabatan khususnya dalam kerja-kerja kesukarelawan secara menyeluruh, sistematik serta berkesan dalam usaha meningkatkan penyertaan masyarakat dalam kerja-kerja sukarela yang dirancang. Konsep penubuhan dan pengoperasian V@C adalah berteraskan kepada beberapa elemen iaitu Sukarelawan JKM akan menjadi penggerak utama dalam mengaktifkan V@C sebagai pusat sehenti (*one stop centre*) yang berkaitan dengan aktiviti kesukarelawan dalam komuniti setempat.

Di peringkat komuniti setempat ianya berfungsi sebagai rakan strategik utama kepada V@C untuk bersama-sama Sukarelawan JKM merangka dan merancang pelaksanaan program dalam komuniti berkenaan. Anggota jawatankuasa dan keahlian V@C juga merupakan individu dalam komuniti yang sama dan secara langsung akan bekerjasama dengan Sukarelawan JKM untuk menimba ilmu pengetahuan, mengisi masa lapang dan meningkatkan kemahiran dalam pelbagai bidang seperti sosial, agama, kesihatan, sukan, pendidikan, ekonomi dan sebagainya. Penubuhan pusat ini juga bertujuan memupuk intergenerasi iaitu menyediakan ruang kepada pelbagai peringkat generasi untuk saling membantu antara satu sama lain ke arah mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Ianya juga merupakan satu program yang menggabung jalinan antara Sukarelawan JKM dengan kumpulan sasar khususnya warga emas, kanak-kanak, remaja, orang kurang upaya dan sebagainya.

Seterusnya penubuhan *Community Based Integrated Care System* (CBICS). CBICS merupakan satu bentuk tanggungjawab atau peranan yang dimainkan oleh komuniti untuk menyelesaikan permasalahan, meningkatkan keupayaan dan membentuk kerjasama dalam persekitaran mereka. V@C akan menjadi tempat rujukan kepada komuniti untuk melaksanakan kerja-kerja sukarela kepada masyarakat, manakala Sukarelawan JKM berperanan sebagai penggalak dan penggerak dalam menjayakan program dan aktiviti yang diperlukan (Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2016). Ianya sebagai satu kitaran bersambungan dan membentuk jaringan sosial yang saling membantu antara satu sama lain.

Manakala di peringkat antarabangsa, *United Nation* (UN) atau Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) turut mempunyai pertubuhan sukarela yang dinamakan *United Nation Volunteers* (UNV) yang bermatlamat menyumbang kepada keamanan dan pembangunan melalui amalan kesukarelawan di seluruh dunia (*United Nation Volunteers*, 2020). UNV bekerjasama dengan rakan-rakan pertubuhan serantau berusaha mengintegrasikan sukarelawan yang bermotivasi tinggi dan menyokong UNV ke dalam program-program pembangunan dan mempromosikan nilai-nilai kesukarelawan secara global. Ibu pejabat UNV berada di Bonn, Jerman dan sehingga kini UNV mempunyai sekitar 8,500 orang sukarelawan yang sedang berada di lapangan dalam misi bantuan dan kemanusiaan di seluruh dunia. Sukarelawan UNV bekerja di sekitar 130 buah negara yang mempromosikan keamanan, membantu negara yang menghadapi bencana alam, memberdayakan masyarakat melalui pendidikan asas seperti di pedalaman Afrika, membantu membangun mata pencarian yang mampan dan pembangunan yang berkekalan seperti saliran dan sumber air bersih bagi negara-negara terjejas oleh bencana atau kemiskinan.

Sukarelawan UN berasal dari berpuluhan-puluhan latar belakang profesional yang mempunyai kepakaran dan pengetahuan luas supaya menjadi pemangkin kepada perubahan positif di negara-negara lapangan. *United Nation Volunteers* mempunyai enam pejabat serantau seperti di Amman (meliputi negara Arab), Bangkok (meliputi Asia dan Pasifik), Dakar (meliputi Afrika Barat dan Tengah), Istanbul (meliputi Eropah dan Komanwel Negara Bebas), Nairobi (meliputi Timur dan Selatan Afrika) dan Panama City (merangkumi Amerika Latin dan Caribbean). Pejabat serantau adalah pintu masuk pertama bagi rakan-rakan yang ingin menjadi ahli UNV. UNV menawarkan perkhidmatan dan penyelesaian kepada rakan kongsi kerajaan, entiti-entiti *United Nation*, masyarakat sivil, sektor swasta dan memberi bimbingan dan khidmat nasihat mengenai infrastruktur sukarela. UNV juga memberikan pengawasan dan panduan strategik untuk unit-unit lapangan di wilayah-wilayah tersebut. Dapat dirumuskan bahawa pertubuhan sukarela bukan sahaja penting di dalam negara malah ianya telah berkembang pesat di peringkat antarabangsa melalui pelbagai fungsi.

Khidmat Sosial dan Pengaruh Dalam Masyarakat

Melalui kajian Meltzer & Saunders (2020), masa dewasa atau muda adalah masa seseorang manusia mengalami banyak transisi perubahan dan pengalaman. Di peringkat individu, usia belia adalah tempoh penting terhadap perkembangan identiti, menguatkan jati diri, membuat keputusan formatif seperti memilih pendidikan, pekerjaan, pasangan, menentukan masa depan, aspirasi, hubungan dan pandangan dunia. Kebimbangan sosial dalam khidmat komuniti melambangkan sikap prihatin individu atau kumpulan anggota masyarakat terhadap masyarakat setempat yang menghadapi masalah (Skallerud & Wien 2019). Kebimbangan sosial ini melibatkan keinginan untuk membantu orang atau masyarakat lain agar mereka boleh mengatasi masalah atau mengurangkan tekanan semasa.

Khidmat sosial, khidmat komuniti dan kerja sukarela menggambarkan adanya kerja atau usaha yang dilakukan (Khanitta *et al.*, 2019). Ianya melibatkan aktiviti kemasyarakatan yang memberi tumpuan kepada peningkatan kualiti hidup manusia samaada yang memerlukan atau berada dalam kesusahan. Kerja khidmat sosial secara berpasukan dalam kalangan masyarakat atau komuniti dapat membantu meningkatkan pembangunan masyarakat, memperkuat masyarakat setempat dan rangkaian mereka (Hengboonyapan 2017).

Menurut kajian Mersky, *et al.*, (2017), menegaskan khidmat sosial adalah satu bidang kerja yang amat baik dan murni, misalnya penglibatan doktor dan jururawat di luar waktu kerja hospital dengan memberi khidmat sosial kepada komuniti setempat tanpa bayaran seperti pemeriksaan atas kesihatan dan khidmat nasihat. Pengamal khidmat sosial secara rutin terdedah kepada masalah individu dan masyarakat. Demikian itu, mereka yang terlibat dengan kerja sosial ini telah dilatih untuk cekal, memupuk kerjasama dan berdisiplin dalam menangani masalah kompleks.

Penglibatan masyarakat awam dalam kerja sukarela telah lama dipraktiskan di negara-negara Eropah iaitu negara maju, kaya, mempunyai pemikiran yang matang, sumber kewangan yang kukuh, tenaga dan masa. Melalui kajian Reznik (2016), menunjukkan kekerapan penglibatan organisasi pekerjaan terhadap aktiviti sukarela atau kerja khidmat sosial di negara-negara Eropah adalah berbeza mengikut tahap pembangunan sosial negara masing-masing dan sikap motivasi dari dalam diri individu itu sendiri. Kekerapan tertinggi melakukan aktiviti sukarela

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions dan khidmat sosial untuk masyarakat awam adalah negara Austria, Switzerland, Jerman, Denmark, Perancis, Inggeris, Belanda, Norway, dan Finland. Faktor-faktor keterlibatan seseorang individu terhadap kerja-kerja sukarela dan sikap suka membantu orang lain adalah dipengaruhi oleh keluarga, rakan-rakan, organisasi pekerjaan dan organisasi sukarela (Reznik, 2016). Pengaruh-pengaruh ini menjadi faktor pendorong kepada diri individu yang bermula dari rumah, tempat kerja, komuniti dan rakan-rakan dalam pasukan sukarela.

Menurut Greene & Kropf (2009), khidmat sosial dalam aktiviti kesukarelawanan adalah salah satu cara atau proses transaksi timbal balas yang berlaku antara berbeza sistem. Misalnya, orang yang sukarela belajar perkara baru, berasa selesa dan diperlukan. Manakala bagi orang yang menerima bantuan daripada sukarelawan mendapat manfaat melalui perkhidmatan yang diberikan, mengetahui bahawa mereka cukup penting bagi orang lain dan menyedari ada yang masih mengambil berat tentang mereka. Organisasi dan agensi perniagaan yang menyediakan peluang untuk aktiviti sukarela dapat menjana pekerja yang positif, cergas, melatih sikap baik dan membentuk nilai-nilai kemanusiaan dalam kalangan pekerja mereka. Dari perspektif komuniti, sikap sukarela boleh mengubah cara orang berfikir tentang orang lain, membawa budaya baik yang berbeza bersama-sama, memupuk perasaan penyertaan dan kepercayaan dalam kalangan ahli komuniti. Dengan kata lain, aktiviti kesukarelawanan membolehkan peluang untuk mempelbagaikan input dan output yang lebih besar serta penting untuk meningkatkan kebaikan dalam menjana pelbagai kemahiran insaniah.

Jika melihat situasi semasa di Malaysia sejak Perintah Kawalan Pergerakan yang bermula pada 18 Mac 2020 kerana penularan wabak Pandemik Covid-19, mahasiswa IPTA khususnya di UPSI turut terkesan kerana kawalan pergerakan, tidak boleh pulang ke rumah atau kampung halaman masing-masing serta kedai-kedai makanan telah ditutup. Maka dalam situasi ini, dapat dilihat semua universiti awam melalui Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) telah membantu menyediakan makanan harian, keperluan asas dan menguruskan kebajikan para mahasiswa. Manakala pihak swasta dan NGO turut berganding tenaga memberi bantuan. Misalnya, *Boon Lee Food Industries Sdn Bhd* dengan Persatuan Aixin dan *MAB Officials Team* telah menghantar pelbagai produk makanan keluaran syarikat, menyumbang makanan ringan, penutup hidung dan mulut serta cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*) kepada mahasiswa di beberapa buah IPT seperti Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Kuala Lumpur (UniKL) (*MyMetro*. 2020, 3 April). Sumbangan ini adalah sebagai menyokong segala usaha kerajaan yang sentiasa prihatin dengan golongan mahasiswa dan sebahagian dari usaha tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat. Hubungan universiti, swasta dan NGO amat erat dalam aktiviti kesukrelawanan dan menjadi sokongan kuat terhadap program-program kebajikan untuk masyarakat dalam negara.

Manfaat Kesukarelawanan Terhadap Masa Depan

Keterlibatan mahasiswa mahupun belia dalam pelbagai bidang kesukarelawanan seperti khidmat komuniti, khidmat sosial, khidmat teknikal, sukan, penerbitan, seni budaya dan sebagainya dapat meningkatkan pembangunan modal insan (Hasnuddin *et al.*, 2018). Keterlibatan sebagai sukarelawan daripada mahasiswa berbilang kaum pada masa kini sememangnya dituntut oleh negara memandangkan hal ini mencerminkan kekuatan masyarakat, semangat patriotisme dan boleh menguatkan perpaduan kaum tanpa mengira bangsa dan agama.

Memberikan masa dan tenaga untuk membantu orang lain dapat membuatkan individu atau sekumpulan manusia merasa puas, selamat dan bahagia (*Habitat for humanity* 2019). Melalui ehsan yang dilakukan, kita dapat melihat hasil kerja secara segera diperolehi seperti kerjasama berkumpulan dalam khidmat komuniti aktiviti mengecat dinding, hasilnya dinding rumah tampak berseri dan ceria. Manakala aktiviti gotong royong di kawasan taman rekreasi akan menjadikan kawasan tersebut bersih dan tenang untuk beriadah. Selain itu, aktiviti kesukarelawanan bersama masyarakat setempat dapat mengeratkan hubungan sosial serta melihat senyuman gembira orang-orang sekeliling yang sedang atau telah dibantu. Demikian itu, konsep silaturahim dan perpaduan ummah dapat dipertekankan dalam kehidupan.

Pengalaman yang dimiliki melalui aktiviti kesukarelawan dapat membantu mahasiswa bersedia ke medan baru iaitu apabila memasuki alam pekerjaan. Mahasiswa turut akan terdedah dalam amalan sukarela atau *Corporate Social Responsibility* (CSR) yang lazimnya dianjur oleh badan berkanun atau korporat sebagai tanggungjawab sosial dalam sesebuah institusi terhadap masyarakat awam. Lazimnya, sektor awam dan swasta di Malaysia mahupun antarabangsa turut menjalankan tanggungjawab sosial samaada bersifat bulanan atau berkala di sepanjang tahun.

Menurut Arthur & Ness (2013), penglibatan individu dalam aktiviti kesukarelawanan mampu menonjolkan diri dan menguatkan resume sewaktu memohon jawatan pekerjaan. Manakala melalui penyelidikan Brewis *et al.*, (2010), mendapati mencebur aktiviti sukarela atau menjadi ahli sukarelawan dapat meningkatkan kemahiran interpersonal, membantu mahasiswa mengembangkan peluang dalam bidang kerjaya, menghindar diri daripada terjebak dalam masalah sosial seperti budaya lepak, jenayah, kegiatan dadah dan sebagainya. Sukarelawan mempunyai tanggungjawab membimbang mereka yang memerlukan serta membantu memulihkan individu atau masyarakat yang bermasalah ianya merupakan kerja-kerja murni dan mulia. Melalui gabungan kerjasama dan pendekatan yang dilakukan oleh komuniti kesukarelawan seperti pihak kerajaan, gerakan belia, pertubuhan sukarela, media, institusi agama dan komuniti telah banyak membantu masyarakat setempat yang bermasalah menangani permasalahan sosial yang melibatkan golongan belia (Azizan, 2014).

Penglibatan dalam badan kesukarelawanan memperlihatkan mahasiswa diberi ruang untuk memelihara kepentingan dan kesejahteraan pelbagai sektor dalam komuniti tempatan. Antara ciri-ciri yang dituntut dalam khidmat sukarela adalah sikap rendah diri, bersedia untuk menyumbang, persepsi dan personaliti yang positif terhadap golongan yang ingin dibantu, faham tentang konsep kesukarelawanan, bermotivasi tinggi, berkeinginan tinggi untuk belajar dan tidak mudah berasa kecewa sekiranya bantuan atau pertolongan tidak mendapat pengiktirafan golongan yang dibantu mahupun masyarakat (Azizan, 2016). Memberi masa dan bakat yang ada untuk menyokong kerja-kerja harian yang bukan bersifat keuntungan mampu mendekatkan diri mahasiswa dengan masyarakat awam dan menguatkan pegangan agama.

Kesimpulan

Semangat kesukarelawanan dalam kalangan mahasiswa perlu dipupuk sejak awal lagi iaitu dari zaman kanak-kanak, peringkat sekolah dan universiti. Ia adalah batu asas kepada warganegara yang prihatin, bertanggungjawab, saling membantu tidak kira agama, kaum dan

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
warna kulit. Penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan akan membentuk rasa simpati dan memupuk sifat tolong-menolong sesama manusia. Nilai murni seperti ini perlu ada dalam diri setiap mahasiswa supaya terus seimbang dalam mencapai kecemerlangan akademik dan akhlak serta membentuk modal insan terbaik buat negara Malaysia. Aktiviti kesukarelawanan dan penguasaan kemahiran insaniah diperingkat universiti amat memerlukan sokongan dan kerjasama daripada semua pihak iaitu ibu bapa, keluarga, universiti, organisasi, rakan-rakan, NGO dan pertubuhan sukarelawan bagi memastikan mahasiswa memiliki sahsiah terpuji, berketerampilan dan berkemahiran sosial untuk berkhidmat kepada masyarakat dan negara kelak.

Secara rumusannya, kesukarelawanan adalah kerja-kerja sukarela yang dilakukan oleh sukarelawan dalam membantu golongan-golongan yang memerlukan tanpa mengharapkan keuntungan atau balasan. Manakala kemahiran insaniah atau *soft skills* adalah kemahiran yang perlu ada dalam diri setiap mahasiswa melalui penguasaan kemahiran generik yang melibatkan elemen kognitif iaitu berkaitan dengan kemahiran bukan akademik seperti nilai positif, kepemimpinan, kerjasama berpasukan, kemahiran berkomunikasi dan pembelajaran berterusan. Tanya perlu diterap dan dikembangkan melalui aktiviti-aktiviti sukarela, kebajikan, khidmat sosial dan khidmat komuniti di Institut Pengajian Tinggi. Semangat kesukarelawan perlu dibudayakan dalam kalangan mahasiswa, sikap saling membantu sesama manusia dan penguasaan pelbagai kemahiran akan menjadi salah satu kekuatan terhadap diri. Majikan masakini bukan lagi hanya melihat kehebatan akademik sahaja untuk menawarkan peluang pekerjaan malah turut melihat penguasaan kemahiran insaniah sebagai modal insan dan nilai tambah bagi setiap individu.

Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan berdasarkan dana Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) (Kod Geran: TLS2102).

Bibliografi

- Annarita Colasante, Aurora García-Gallego, Nikolaos Georgantzis & Andrea Morone. (2019). Voluntary contributions in a system with uncertain returns: a case of systemic risk. *Journal of Economic Interaction and Coordination*, 15,11-132. <https://doi.org/10.1007/s11403-019-00276-z>.
- Arthur, M. A. & Ness, A.B. 2013. *Skills-Based Volunteering: The New Executive Training Ground*. Standford Social Innovation Review. Diperolehi daripada [https://ssir.org/articles/entry/skills_based_volunteering_the_new_executive_training_gr](https://ssir.org/articles/entry/skills_based_volunteering_the_new_executive_training_ground)ound [Tarikh akses 30 Disember 2019].
- Azizan Bahari. (2006). Menjadi Sukarelawan. Kangar: Pustaka Qarya Sdn. Bhd.
- Azizan Bahari. (2014). *Permasalahan sosial remaja belia: Usaha menanganinya melalui pendekatan kerja komuniti*. Kangar: Universiti Malaysia Perlis.
- Azizan Bahari. (2016). *Kesukarelawanan*. Kangar: Pustaka Qarya Sdn. Bhd.
- Brown, S.L. & Brown, R.M. (2015). Connecting prosocial behavior to improved physical health: contributions from the neurobiology of parenting. *Neurosci Biobehav Review*, 55,1-17.
- Brewis et al., (2010), From Service to Action? Students, Volunteering and Community Action in Mid Twentieth-Century Britain. *British Journal of Educational Studies* 58(4):439-449

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
DOI:10.1080/00071005.2010.527668

- Cambridge English Dictionary. (2020). *Voluntary*. Cambridge University Press. Diperolehi daripada <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/voluntary>.
- Chacon, F., Perez, T., Flores, J. & Vecina, L.M. (2011). Motives for volunteering: categorization of volunteers' motivations using open-ended questions. *Psychology In Spain*, 15(1), 48-56.
- Dorsch, K.D., Riemer, H.A., Sluth, V., Paskevich, D.M. & Chelladurai, P. (2002). *What Affects a Volunteer's Commitment?*. Toronto: Canadian Centre for Philanthropy.
- Greene, R.R & Kropf, N.P. (2009). *Human Behavior Theory: A Diversity Framework*. New Brunswick USA: A Division of Transaction Publishers.
- Gu, Y. D., Gu, D. X., Wei, Q., Pan, S., Chen, W. E. & Ge, Y. (2012). An empirical study on personality characteristics of college volunteers: based on the collected data from Shanghai Expo. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 83(2013): 969-974.
- Habitat for humanity. Benefits of Volunteering. Diperolehi daripada <https://www.habitat.org/stories/benefits-of-volunteering> [Tarikh akses 30 Disember 2019].
- Hasnuddin Ab Rahman, Hailrudin Jaafar dan Badrun Nisah Mohamed Nasiruddin. (2018). Keterlibatan Mahasiswa dalam Aktiviti Kesukarelawan dan Hubungannya dengan Kemahiran. *Proceeding of IC-ITS 4th International Conference on Information Technology & Society*, 4, 1-15.
- Hengboonyapan, D. (2017). *Evolution of Community Health Plans year 2009-2017*. A document for strategic plan meeting of community health plans fiscal year 2018-2020. Bangkok: Thai Health organization.
- Institut Pembangunan Belia Malaysia. (2012). Kesukarelawanan. Diperolehi daripada <https://www.ippbm.gov.my/dokumen/faktabelia/10.Sukarelawan.pdf> [Tarikh akses 13 Januari 2020].
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2006). *Modul pembangunan kemahiran insaniah (soft skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Khanitta Nuntaboot, Peerapong Boonsawasdulchai & Nisachon Bubpa. (2019). Roles of mutual help of local community networks in community health activities: Improvement for the quality of life of older people in Thailand. *International Journal of Nursing Sciences* 6(3), 266-271.
- Kunle Akingbola. (2015). *Managing Human Resources for Nonprofits*. New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- N.K. Tharshini and Fauziah Ibrahim. (2019). Pembudayaan kesukarelawanan dalam kalangan masyarakat: satu kajian ulasan sistematik. *Journal of Human Capital Development* 12(2), 43-52.
- Meltzer, A. & Saunders, I. (2020). *Cultivating supportive communities for young people-mentorpathways into and following a youth mentoring program*. Children and Youth Services Review: Elsevier Ltd.
- Mersky, J.P., Topitzes, J., & Blair, K. (2017). Translating evidence-based treatments into child welfare services through community-university partnerships: A case example of parent-child interaction therapy. *Children and Youth Services Review* 82, 427-433. <https://doi.org/10.1016/j.childyouth.2017.10.002>
- MyMetro. 2020, 3 April. Swasta, NGO bantu pelajar ketika PKP. Diperolehi daripada <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/561917/swasta-ngo-bantu-pelajar->

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions ketika-pkp [Tarikh akses 12 April 2020].

- Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2016). Pusat Aktiviti Sukarelawan (V@C. Diperoleh daripada <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=aXltWEFJVCsrMElxMkJ0M1U4b3FNdz09> [Tarikh akses 4 April 2020].
- Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. (2015). Dasar Belia Negara. Diperoleh daripada Portal Rasmi Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. <http://www.kbs.gov.my/koleksi-akta-dasar.html>
- Pryce, H., Hall, A. & Hill, R. G. (2015). The role of volunteer support in the community for adults with hearing loss and hearing aids. *Patient Education and Counseling* 98(8): 954–960.
- Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah. (2018). *7 Kemahiran Insaniah (KI) Yang Wajib Graduan Kuasai*. Universiti Sains Islam Malaysia. Diperolehi daripada <http://ppki.usim.edu.my/7-kemahiran-insaniah-ki/> [Tarikh akses 28 Mac 2020].
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. (2020). Sukarela. Diperolehi daripada <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=sukarela> [Tarikh akses 28 Mac 2020].
- Reznik, O. (2016). Determinants of involvement in work for voluntary or charitable organizations in european countries. *Sage Journals January-March* 6(1). <https://doi.org/10.1177/2158244015623590>.
- Rokach, A. & Wanklyn, S. (2009). Motivation to Volunteer: Helping Empower Sick Children. *Psychology and Education: An Interdisciplinary Journal*; 46(1): 7-25.
- Sarah Steimel, "Skills-Based Volunteering as Both Work and Not Work: A Tension-Centered Examination of Constructions of "Volunteer"" (2018). *Papers in Communication Studies*. 182. <http://digitalcommons.unl.edu/commstudiespapers/182>
- Shahrom Md. Zain, Mohd Junaidi, M.I. & Ahmad Basri, N.E. (2015). Sukarelawan Alam Sekitar: Penerimaan dan Kefahaman Pelajar. *Jurnal Personalia Pelajar*. 18(2): 74-83.
- Siti Raba'ah Hamzah, Turiman Suandi & Siti Nur Syuhada Musa. (2018). Profil sukarelawan Belia Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 19,18-37.
- Skallerud, K. & Wien. A. H. (2019). Preference for local food as a matter of helping behaviour: Insights from Norway. *Journal of Rural Studies*, 67,79-88.
- Tajul Arifin Muhamad & Aishah Nadirah Mohd Alauddin. (2013). Motif Penglibatan Sukarelawan Sukan Institusi Pengajian Tinggi terhadap Tahap Kepuasan Diri. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 38(2),51-59.
- Tapp, J.T. & Spanier, D. 1973. Personal characteristics of volunteer phone counselors. *Journal of Consulting and Clinical Psychology* 41(2): 245- 250.
- Temubual mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris. (2021). Kesukarelawan dan kemahiran insaniah. Temubual, 18 Februari 2021.
- United Nation Volunteers. (2020). Diperoleh daripada <https://www.unv.org/about-unv/who-we-are> [Tarikh akses 12 April 2020].
- United Nations Volunteer. (2011). *State of the World's Volunteerism Report*. United Nations. Voluntary Sector Quarterly; 25: 485-505.